

Akibat daripada itu, ramai hilang mata pencarian, pekerjaan dan pendapatan serta ramai peniaga yang aliran tunai mereka terjejas teruk.

Walaupun pada mula hanya beberapa sektor utama terjejas teruk seperti pelancongan, penerbangan, pembinaan dan perkhidmatan, ia akhirnya merebak hampir ke semua sektor dalam ekonomi, seterusnya melemahkan permintaan domestik ekonomi secara keseluruhan.

Disebabkan krisis ekonomi berpunca daripada wabak ini juga membabitkan seluruh dunia, sektor luaran turut terkesan. Akibatnya, secara keseluruhan, ekonomi Malaysia menguncup pada kadar 5.6 peratus tahun lepas.

Akibat penguncupan dalam pertumbuhan ekonomi ini, kita melihat peningkatan jumlah kemiskinan tegar, sebilangan besar isi rumah M40 tergelincir ke kategori B40, peningkatan dalam jurang pendapatan, purata gaji dan upah bulanan menurun, pengurangan dalam gaji graduan, peningkatan dalam kadar pengangguran siswazah, hutang isi rumah masih lagi tinggi serta kos sara hidup semakin meningkat.

Selain itu, kita melihat gejala sosial semakin serius seperti peningkatan kes bunuh diri, penyalahgunaan dadah, masalah mental, perceraian, keganasan rumah tangga, malah pembabitatan rakyat dalam skim cepat kaya!

Keadaan ini akan menjadi lebih teruk jika tidak ada bantuan ataupun pelbagai pakej bantuan ekonomi yang diperkenalkan kerajaan. Namun, penyelesaian tuntas sebenarnya terletak pada keputusan kerajaan baru-baru ini untuk membuka semula sempadan negeri di seluruh negara dan jangkaan pembukaan sempadan negara tidak lama lagi.

Hakikatnya, kita perlu belajar hidup dengan pandemik COVID-19 ini pada jangka lebih lama. Pergerakan ekonomi dan sosial boleh dijalankan secara berhati-hati dengan prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi, pembentangan maklumat dan data lengkap serta individu yang divaksin penuh dengan meneruskan gaya hidup sihat serta pengu-

tion.

Jadi, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Program Pengurus dan Ketahanan Kewangan (URUS) bagi membantu aspek kewangan golongan B50, ini adalah sesuatu yang begitu menyegarkan dan tepat pada masanya.

Program URUS yang dilaksanakan sektor perbankan, adalah contoh baik pendekatan *whole-of-nation* berpaksikan semangat Keluarga Malaysia.

Namun, pelbagai usaha ke arah ini perlu dipertingkatkan pada masa terdekat ini, terutama bantuan kewangan langsung daripada kerajaan kepada golongan begitu terjejas. Di sinilah peranan Belanjawan 2022 yang akan dibentangkan tidak lama lagi.

Hakikatnya, tidak ada sesiapa pun mahukan keadaan sekatan pergerakan penuh yang kita alami sebelum ini. Jadi, gunakanlah kebebasan yang ada dengan penuh tanggungjawab supaya gelombang baharu pandemik COVID-19 dapat dielakkan pada masa hadapan.

Kerajaan perlu memantau fasa pemulihan ini dengan lebih teliti dan memperkenalkan strategi serta langkah lebih kreatif supaya dilihat lebih proaktif dalam menangani hal ini sejajar dengan prinsip Keluarga Malaysia



Orang ramai perlu bijak memanfaatkan kelonggaran diberi kerajaan elak kenaikan semula kes COVID-19.

(Foto hiasan)